

TARIKH	13 / 2 / 2014	SEKSYEN	BERITA HARIAN
MUKA SURAT	11	RUANGAN	NATIONAL

## Prestasi TH terus mengukuh

» Hasil pelan perniagaan dan pelaburan berkesan, pengurusan risiko berhemah

Oleh Habsah Dinin  
ecah@bh.com.my

**B**onus Tahunan sebanyak enam peratus dan Bonus Haji dua peratus yang diumumkan Tabung Haji (TH) bagi tahun kewangan 2013 baru-baru ini merupakan berita gembira buat 8.3 juta pendeposit TH.

Pemberian bonus ini memberi gambaran mengenai prestasi kewangan TH yang terus mengukuh.

Kadar bonus itu diumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom di ibu pejabat TH, pada 30 Januari lalu.

Pada sidang media pengumuman itu beliau berkata, prestasi kewangan TH yang memberangsangkan tahun lalu membolehkan TH memberi bonus tambahan dua peratus kepada sejumlah 7.7 juta pendeposit yang masih belum berpeluang menaikkan ibadat haji.

### Menjaga kebajikan pendeposit

"Ia membuktikan iltizam TH dalam menjaga kebajikan pendeposit khususnya yang kurang berkemampuan selain komitmen TH dalam pemberian subsidi haji pada setiap tahun," ujarnya.

Mengulas perkara sama, Pengerusi TH, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata prestasi kewangan TH bagi 2013 menunjukkan peningkatan sebanyak 34 peratus kepada RM3.7 bilion berbanding 2012 iaitu sebanyak RM951 juta.

Katanya, untuk pembayaran Bonus Tahunan kepada semua 8.3 juta pendeposit TH kali ini, sejumlah RM2.4 bilion diperuntukkan manakala bonus tambahan dua peratus kepada 7.7 juta pendeposit lagi membolehkan RM223 juta.

"Jumlah keseluruhan pembayaran bonus membolehkan RM2.6 bilion atau pertambahan 6.5 peratus berbanding Bonus Tahunan yang dikeluarkan pada tahun lalu," tambahnya.

Pengarah Urusan Kumpulan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail pula memberitahu, pembayaran kadar bonus tahunan sebanyak enam peratus oleh TH adalah sangat kompetitif kerana kedudukannya tiga mata lebih tinggi berbanding kadar pulangan akaun deposit tetap Perbankan Islam lain ataupun kewangan konvensional.

"Pembayaran bonus sebanyak RM2.6 bilion itu juga sudah mengambil kira pembayaran zakat perniagaan TH bagi tahun kewangan 2013 iaitu sebanyak RM52.9 juta," katanya.



Jamil Khir menunjukkan bonus pendeposit Tabung Haji dan bonus tambahan sambil disaksikan Abdul Azeez (kiri) dan Ismee selepas Majlis Pengumuman Bonus Tabung Haji 2013 di Kuala Lumpur, baru-baru (FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BI)



Bidang minyak dan gas turut menjadi sebahagian portfolio pelaburan TH.



Pelaburan dalam bidang hospitaliti memberikan pulangan memberangsangkan kepada TH.

Ismee memberitahu, jumlah pendeposit TH juga bertambah sebanyak tiga kali ganda sejak 2006.

"Peningkatan jumlah itu kepada 8.3 juta sehingga Disember tahun lalu membuktikan operasi dan pelaburan TH yang berlandaskan patuh syariah sepenuhnya mendapat keyakinan dan kesetiaan di kalangan umat Islam di negara ini.

### Pelaburan berlandas syariah

TH juga jelas Ismee, melaksanakan pelan perniagaan dan pelaburan berkesan, mengamalkan pengurusan risiko secara berhemah dan pengurusan operasi yang mantap bagi memacu TH untuk terus kukuh dalam sektor pelaburan berlandaskan patuh syariah.

Dalam perkembangan sama, Ismee menjelaskan, dari segi pelaburan, jumlah aset pelaburan 2013 TH mencatatkan pertumbuhan yang sihat sebanyak 20 peratus kepada RM47.9 bilion daripada RM39.8 bilion tahun sebelumnya.

Selaras matlamat memberi pulangan yang kompetitif dan berterusan kepada pendeposit serta mengekalkan nilai modal pelaburan, TH terus melabur dalam instrumen berisiko sederhana dan stabil, katanya.

TH juga katanya, sentiasa mempraktikkan perbelanjaan secara berhemah dan terkawal walau-

### INFO

#### Pembahagian Aset Pelaburan TH hingga 31 Disember 2013

- Jumlah keseluruhan aset RM47.9 bilion
- Ekuiti 37 peratus
- Pendapatan Tetap 26 peratus
- Pasaran wang dan instrumen kewangan lain 25 peratus
- Hartanah 12 peratus

#### Pendapatan TH 2013

- Ekuiti urus niaga RM1.731 bilion
- Ekuiti dividen RM456 juta
- Sekuriti Hutang RM518 juta
- Pasaran wang dan instrumen kewangan lain RM361 juta
- Sewaan RM311 juta
- Pembiayaan RM145 juta
- Lain-lain RM208 juta

pun sentiasa dipengaruhi kos perkhidmatan luaran yang sentiasa berubah dan meningkat.

Sementara itu pemberian Bonus Haji sebanyak dua peratus disambut baik pendeposit.

Ismail Fahmi, 43, berkata pemberian Bonus Haji membantunya mencukupkan jumlah akaun haji kepada lebih RM9,980.

### Bonus Haji bantu pendeposit

"Saya sangat bersyukur dengan pengumuman itu. Memanglah tujuan kita membuka akaun TH untuk merealisasikan impian menunaikan fardu haji. Pemberian bonus juga sedikit sebanyak merawat kesedihan pendeposit seperti saya yang masih menunggu giliran haji yang mana mengikut giliran 10 tahun lagi," ujarnya.

Ramlah Moin, 39, yang juga gembira dengan pemberian Bonus Haji itu memuji sikap prihatin TH yang memberikan bonus khas kerana dapat menggalakkan umat Islam menjadikan TH sebagai tempat menyimpan wang dan melabur.

"Saya sungguh gembira kerana 2013 dapat Bonus Haji, 2012 dapat Bonus Ulang Tahun TH Ke-50 sementara pada 2007 saya dapat bonus khas sempena Ulang Tahun Malaysia yang ke-50," katanya.